



(110) DBKL/ JPRK /100-2/1-45 Jld.5

KENYATAAN MEDIA

(Untuk Siaran Serta Merta)

BAJET DBKL 2021

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berusaha Pengarah-pengarah Eksekutif DBKL,


Pengarah-pengarah Jabatan, Team DBKL,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, kita dapat bersama-sama pagi ini untuk pembentangan **Budget Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2021**.

- 
1. **“Sayangi Kuala Lumpur, Kota Sejahtera”**, itulah menjadi tema bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk tahun 2021. Secara umumnya, DBKL telah menyediakan **budget deficit** dengan peruntukan bajet **RM2.653 bilion** merangkumi dua cabang peruntukan utama, iaitu **RM1.762 bilion (66.4%)** untuk **Peruntukan Mengurus** dan **RM891 juta (33.6%)** untuk **Peruntukan Pembangunan** bagi tahun 2021.
 2. Bajet DBKL masih mengekalkan lima (5) komponen utama dalam peruntukan mengurus, iaitu Perkhidmatan dan Bekalan **RM1.103 bilion (62.6%)**, Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja **RM479 juta (27.2%)**, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **RM98.7 juta (5.6%)**, Bayaran Lebih Masa **RM60.4 juta (3.4%)** dan Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain **RM21.2 juta (1.2%)**.
 3. Peruntukan Pembangunan pula ia terbahagi kepada pembiayaan oleh DBKL **RM623.7 juta (70%)** serta pembiayaan kerajaan pusat dan lain-lain punca **RM267.6 juta (30%)**.

4. Tuan – tuan dan puan – puan, bagi **Anggaran Hasil DBKL** pada tahun 2021, **RM1.964 bilion**, iaitu penurunan hampir **22.2%** berbanding dengan **RM2.523 bilion** pada tahun 2020. Hasil utama DBKL adalah daripada hasil cukai taksiran berjumlah **RM1.29 bilion** yang menyumbang **65.7%** kepada hasil keseluruhan DBKL.
5. Demi memastikan keadaan **infrastruktur** jalan serta sistem saliran sentiasa berada pada tahap yang terbaik, DBKL memperuntukkan lebih **RM392 juta** bagi projek-projek berkaitan jalan, sungai, cerun dan longkang. Hampir **RM70 juta** disediakan bagi pembinaan terowong dan penyuraian trafik serta kerja-kerja naik taraf jalan sekitar Jalan Tun Razak. Bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, **RM40 juta** diperuntukkan untuk pembinaan jalan raya bertingkat di sekitar Pusat Bandar Damansara. Di samping itu, **RM135 juta** juga diperuntukkan untuk kerja-kerja **selenggara kemudahan infrastruktur** seperti jalan raya, lorong, cerun, sungai dan longkang yang meliputi semua kawasan di Kuala Lumpur.
6. Tidak dapat dinafikan isu **banjir kilat** sering melanda ibu kota Kuala Lumpur. Oleh itu, bagi mengurangkan masalah ini, Bajet DBKL akan memberi fokus kepada beberapa projek untuk mengatasi banjir dengan jumlah peruntukan hampir **RM130 juta**. **RM17 juta** disediakan bagi menaik taraf sistem petotitan di Stesen LRT Sungai Besi & Jalan MRR2 dan **RM16 juta** lagi untuk kerja-kerja pembersihan dan selenggara sungai di seluruh Kuala Lumpur.
7. Selain daripada usaha tersebut, **23 projek** selaras dengan **Pelan Induk Tebatan Banjir KL 2017** juga sedang dan akan dilaksanakan oleh DBKL. **3 lokasi** hotspot banjir telah dikenal pasti untuk dilaksanakan sebagai projek baharu pada tahun 2021 dengan peruntukan **RM6.5 juta**. **3 lokasi** tersebut adalah di sekitar Jalan Hang Lekiu, Jalan Cheras serta rancangan tebatan banjir di Sungai Toba, Segambut.
8. Beberapa langkah proaktif sedang dilaksanakan DBKL untuk mengurangkan kesan risiko banjir kilat. DBKL sentiasa **memantau secara real time melalui CCTV di ITIS** bagi kawasan yang sering mengalami banjir bagi memberi panduan kepada pasukan DBKL di lapangan untuk mengambil tindakan segera. Selain itu, **pemantauan kerja – kerja pembersihan dan selenggara** turut dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan sistem parparitan berfungsi tanpa halangan. DBKL turut **memastikan pam air sedia ada berjumlah 23 unit berfungsi dengan baik** di lokasi – lokasi tertentu. DBKL juga **mengambil pendekatan 'control water at source'** bagi **kawasan pembangunan dengan mengenakan syarat penyediaan kolam takungan (OSD)** bagi menahan air dari kawasan pembangunan selaras dengan Garis Panduan MSMA (Manual Saliran Mesra Alam), JPS.

9. Bagi memberi maklumat awalan mengenai ramalan hujan lebat, DBKL dengan kerjasama UKM melalui Projek Newton – Ungku Omar Fund telah berjaya **membangunkan sistem ramalan bencana** yang dikenali sebagai Multi Hazard Platform (MHP). DBKL juga **bekerjasama dengan MetMalaysia dan JPS WPKL** dalam mendapatkan maklumat sebagai langkah awal siap siaga kumpulan operasi DBKL di tapak. Berdasarkan maklumat ini, DBKL telah melaksanakan penyampian maklumat ramalan cuaca Kuala Lumpur secara mingguan melalui media sosial DBKL (facebook DBKL, twitter ITIS DBKL) kepada warga kota.
10. Projek **River of Life (ROL)** mampu meningkatkan potensi pelancongan melalui penjenamaan semula atau menghidupkan Sungai Klang dan Sungai Gombak yang dilihat dapat memberikan nilai ekonomi dan komersial kepada negara. Oleh yang demikian, bagi tujuan **pengindahan dan peningkatan kualiti air sungai** di Kuala Lumpur, lebih **RM45 juta** diperuntukkan bagi keseluruhan projek ini. Bagi memastikan **selenggara dan keindahan kawasan hijau serta taman awam** di seluruh Kuala Lumpur dalam keadaan yang memuaskan, lebih **RM78 juta** diperuntukkan dalam Bajet 2021 ini.
11. **Bandar Selamat** merupakan satu indikator penting dalam mencapai **kesejahteraan bandar** kepada warga kota. Keselamatan seharusnya diberi penekanan dalam skop yang luas, bukan sekadar dari segi lalu lintas, malahan dari sudut jenayah juga. Pemasangan CCTV di bandar-bandar besar yang lain terbukti berjaya meningkatkan aspek keselamatan bandar tersebut. Bagi mencapai kesejahteraan dan memudahkan kawalan serta pemantauan pihak berkuasa, DBKL akan menambah **pemasangan kamera litar tertutup (CCTV)** di beberapa lagi kawasan di Kuala Lumpur termasuk di Perumahan Awam (PA) dan Perumahan Rakyat (PPR). Keseluruhan CCTV yang akan dipasang adalah **6,563 unit** di mana **1,563 unit** CCTV dipasang di Perumahan Awam (PA) dan Perumahan Rakyat (PPR) manakala sejumlah **2,909** unit CCTV khusus untuk kegunaan ITIS akan mula beroperasi pada tahun 2021 dengan kos selenggara **RM33 juta**.
12. DBKL memahami kesukaran yang dialami oleh golongan isi rumah B40 di Kuala Lumpur terutamanya ketika pandemik Covid-19 melanda. Oleh itu, **5 program utama** kemiskinan bandar di Wilayah Persekutuan telah dilancarkan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan di bawah program Cakna Wilayah di Kuala Lumpur. Program ini yang melibatkan peruntukan keseluruhan pada tahun 2021 berjumlah **RM26.6 juta** meliputi program **MYJob** yang memberi peluang pekerjaan kepada warga tempatan yang hilang pekerjaan. Program **MYMedic** yang menyediakan perkhidmatan rawatan asas / pemeriksaan kesihatan percuma di kawasan perumahan kos rendah DBKL. Program **MYGrocer** yang merupakan bantuan jualan barang dapur berharga lebih rendah daripada pasar awam untuk penduduk perumahan kos rendah DBKL. Program

MYFood yang menyediakan bekalan makanan percuma kepada golongan sasar tertentu serta program **MYSchoolBus** yang menyediakan perkhidmatan bas sekolah percuma kepada pelajar kawasan Perumahan Awam (PA) dan Perumahan Rakyat (PPR) yang akan turut dibuka kepada kawasan Perumahan Swasta kos rendah dan kuiters DBKL.

13. DBKL juga melaksanakan **4 Program Usahawan Anak Muda Kota** iaitu menyediakan peluang bermiaga kepada **100 Usahawan Anak Muda** warga Kuala Lumpur di pusat membeli-belah, menyediakan **204 ruang niaga** berbentuk kiosk dan kafe laluan pejalan kaki, menyediakan **522 ruang niaga** berbentuk kiosk di hentian bas dan menyediakan **200 ruang niaga** food truck sekitar Kuala Lumpur. Keseluruhan peruntukan program usahawan anak muda kota pada tahun 2021 berjumlah **RM3.35 juta**.
14. Dalam usaha DBKL menggalakkan warga kota untuk menggunakan kemudahan pengangkutan awam dan mengelakkan kesesakan lalu lintas, peruntukan **RM19 juta** disediakan untuk pengurusan perkhidmatan **bas percuma GoKL**. Sehingga kini, DBKL telah membayai dan mengekalkan 4 laluan sedia ada perkhidmatan *last-mile* dan juga berjaya memperkenalkan 4 laluan perkhidmatan *first-mile*. Sebelum akhir tahun ini DBKL juga akan menambah 1 lagi laluan perkhidmatan *first-mile*.
15. Tuan – tuan dan puan – puan, sehingga kini, DBKL telah menerima **lebih 37,000 permohonan** penyewaan Perumahan Awam (PA) dan Perumahan Rakyat (PPR) yang masih belum ditawarkan kepada warga kota sejak tahun 2010 kerana ketiadaan kekosongan unit Perumahan Awam (PA) dan Perumahan Rakyat (PPR) DBKL. Dalam memenuhi keperluan kediaman penduduk di ibu kota yang menghadapi lonjakan kos sara hidup, terutamanya harga rumah yang tinggi, DBKL telah menyediakan peruntukan **RM30 juta** untuk penyiapan projek **Perumahan Awam Council Home** di Kg. Sg. Udang di Segambut. Projek yang dijangka siap pada akhir tahun 2021 bakal memberi manfaat kepada lebih **1,000** keluarga. Bukan itu sahaja, DBKL juga sedang dalam perancangan untuk membina sebuah lagi Perumahan Awam Council Home di Jalan Selimang, Cheras yang dijangka menelan keseluruhan kos sekitar **RM200 juta** selain sebuah lagi pembangunan Residensi Taman Desa di Jalan Desa, Taman Desa akan dilaksanakan yang menelan keseluruhan kos sekitar **RM325 juta**.
16. Di samping itu, DBKL telah menyediakan kediaman berbentuk **asrama pekerja Pasar Borong Kuala Lumpur** sebanyak **112 unit** yang boleh menempatkan sehingga **224 orang** pekerja dengan kos keseluruhan berjumlah **RM2 juta** dan telah menyiapkan **Perumahan Bandar di Jalan Tuanku Abdul Rahman** termasuk **319 unit rumah bandar dengan mengubahsuai kedai pejabat 3 tingkat** di Taman Sri

Rampai, Setapak dengan kos keseluruhan berjumlah **RM23.5 juta**. DBKL juga sedang merancang untuk membangunkan semula **kquarters kakitangan Jalan Sentul** dengan kos keseluruhan **RM38 juta**.

17. Bagi memastikan aspek kesejahteraan komuniti warga kota sentiasa terbela, terutamanya untuk penghuni Perumahan Awam (PA) dan Perumahan Rakyat (PPR), hampir **RM68 juta** diperuntukkan untuk kerja-kerja **selenggara dan pembersihan kawasan rumah** Perumahan Awam (PA) dan Perumahan Rakyat (PPR). Hampir **RM10 juta** juga disediakan bagi kerja-kerja penggantian lif untuk beberapa kawasan Perumahan Awam (PA) dan Perumahan Rakyat (PPR) secara berperingkat-peringkat.
18. DBKL prihatin akan nasib hidup warga kota yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Sehubungan itu, hampir **RM8.7 juta** diperuntukkan menerusi program kesihatan awam dan pencegahan penularan wabak Covid-19.
19. Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Rendah Karbon 2030 mensasarkan **pengurangan intensiti perlepasan GHG sehingga 70% menjelang 2030**. Untuk tujuan itu, DBKL telah mengambil tindakan menggunakan tenaga solar untuk bangunan – bangunan milik DBKL. Sebagai contoh, Stadium ~~MMWangsa~~ akan menggunakan tenaga solar bermula akhir 2021 dan penggunaan tenaga elektrik untuk perkhidmatan bas GO KL.
20. DBKL menyediakan peruntukan berjumlah **RM233 juta** dalam aspek pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Kuala Lumpur. Kos ini merangkumi kos perkhidmatan kutipan sampah, pembersihan awam, kos bayaran *tipping* pusat transit di Taman Beringin serta kos bayaran *tipping* bagi pelupusan sampah di Bukit Tagar. Antara program kerjasama yang melibatkan warga kota adalah pelaksanaan program 1 Community 1 Recycling, Kitar Semula Minyak Masak Terpakai (menghasilkan biodiesel), Program Penaja Bersih dan Program Anti-Litter Zone.
21. Bajet DBKL adalah **bajet defisit**. Anggaran Hasil DBKL pada tahun 2021 adalah **RM1.964 bilion**. Manakala bantuan geran kerajaan dan lain – lain adalah berjumlah **RM267.64 juta**. Dengan demikian, defisit **RM421.5 juta** akan dibiayai melalui rezab dalaman.
22. Sesungguhnya, Bajet Defisit DBKL Tahun 2021 membuktikan DBKL sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan, kebijakan dan kesejahteraan warga kota. Hal ini adalah selaras dengan penggunaan *tagline* baharu oleh DBKL, iaitu **#klbandarku dan #klbandaruntuksemua**.

23. Dengan kehadiran rakan-rakan media disini pada pagi ini, terima kasih sekali lagi atas kehadiran saudara-saudari. Kami berharap untuk bekerjasama dengan rakan-rakan media walaupun ada kalanya tuan/puan kritikal tentang tugas yang dijalankan oleh DBKL.
24. Saya menyeru team DBKL untuk *rise to the challenge*. Perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan media adalah penting dalam usaha team DBKL untuk terus mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kami kepada warga kota.
25. The media's feedback, which is from KLites will keep us on our toes as we work together and more efficiently for the benefit of all KLites. I look forward to your continued support and to make 2021 better than 2020. Of course.
26. Semoga segala usaha DBKL demi warga kota diberkati dan sama-sama kita jayakan visi Kuala Lumpur, Bandaraya Untuk Semua.
27. Sekian, terima kasih. Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YBhg. Datuk Haji Mahadi Bin Che Ngah
Datuk Bandar Kuala Lumpur
17 Disember 2020
2 Jamadilawal 1442H

